

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING (STAMPIN)
TARIKH : 22 MAC 2016
SOALAN :**

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan perancangan terperinci terkini pembinaan tempat meletak kereta berperingkat di Hospital Umum Sarawak dari segi kos, jangka masa siap dan lain-lain. Dimanakah perolehan secara "Swiss challenge" daripada Public Private Partnership-BLMT boleh direalisasikan termasuk juga dengan "hotel-hospital" yang akan dibina.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menyediakan perkhidmatan sokongan di fasiliti kesihatan milik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), beberapa faktor perlu diambil kira sebelum sebarang projek baharu secara Kerjasama Awam Swasta (PPP) dapat dijayakan, iaitu:

- (i) Kepentingan pengguna (*end user*), iaitu pesakit yang akan mengguna pakai fasiliti di Hospital Umum Sarawak (HUS); dan
- (ii) Keupayaan syarikat yang dilantik untuk melaksanakan projek yang dipohon oleh KKM untuk HUS.

Dalam hal ini, syarikat yang dilantik perlulah mengemukakan *business plan* yang membuktikan keupayaan syarikat untuk terus berdaya saing kepada KKM sebelum sebarang projek pembangunan dapat dilaksanakan.

KKM masih meneliti permohonan syarikat yang telah dikemukakan untuk tujuan pembangunan di HUS bagi memastikan mutu perkhidmatan kesihatan tidak terjejas.

Pembinaan tempat meletak kereta berperingkat di Hospital Umum Sarawak secara "Swiss challenge" daripada Public Private Partnership-BLMT masih dalam proses timbang tara antara pihak Kementerian, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan pemaju.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN
ABD HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 22 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN : 53

Y.B. Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai tindakan yang diambil ke atas Laporan Jawatan Kuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berhubung dengan:

- a) Projek Peningkatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (DR 6 tahun 2014) dan Projek Pembinaan Kuala Lumpur International Airport 2 / klia2 (DR 11 Tahun 2014); dan
- b) Penyambungan laluan ERL dari KLIA ke KLIA2 (DR 6 Tahun 2015) dan Pengurusan aktiviti Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) (DR 5 Tahun 2015).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Berhubung Projek Peningkatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (DR 6 tahun 2014), empat syor telah dikemukakan iaitu:
- i) Tindakan tegas dan segera diambil terhadap kontraktor kerana ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat kontrak. Bagaimanapun, kes masih dalam perbincangan dan bon pelaksanaan berjumlah RM36 juta telah ditahan sementara menunggu keputusan mahkamah;
 - ii) Perancangan pembelian peralatan seperti ILS hendaklah dikawal dengan lebih rapi oleh Pegawai Penguasa (SO) bagi mengelakkan peralatan yang telah dibeli tidak dapat dipasang kerana kelewatan kerja yang berhubung kait;
 - iii) Pembayaran bagi pembelian dan pemasangan peralatan hendaklah diselarikan dengan kemajuan kerja;
 - iv) Kementerian hendaklah memastikan pelan perpindahan Terminal 1 akan dilaksana selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Ekonomi.

Kementerian telah mengambil tindakan tegas dengan menamatkan kontrak kerja kontraktor pada 31 Disember 2012. Sehubungan itu, kontraktor telah membuat tuntutan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Kes sekarang pada peringkat Rayuan di Mahkamah Rayuan Putrajaya dan akan didengari dalam bulan April 2016.

Kementerian juga telah menyemak prosedur dalaman bagi memastikan peralatan yang dibekalkan dibayar dan dipasang selari dengan program kerja kontraktor sebagaimana dibenarkan oleh pekeliling-pekeliling yang berkuatkuasa. Berkenaan dengan perpindahan AirAsia, AirAsia telah berpindah ke Terminal Utama pada 1 Disember 2015.

Berhubung Projek Pembinaan Kuala Lumpur International Airport 2 / KLIA2 (DR 11 Tahun 2014), PAC telah mengesyorkan supaya Kerajaan menjalankan pengauditan menyeluruh, mengenalpasti pihak yang bertanggungjawab dan audit prestasi kepada Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB). Dalam hubungan ini, Kerajaan telah pun menubuhkan Pasukan Khas Penilaian KLIA2 pada September 2015 dengan diterajui oleh Jabatan Audit Negara. Pada ketika ini, Pasukan Khas tersebut masih didalam proses pengauditan dan dijangka memuktamadkan laporannya pada April 2016.

Selain itu, PAC juga telah mengesyorkan supaya diadakan pemantauan secara berterusan terhadap keretakan/mendapan di KLIA2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan telah menubuhkan Jawatankuasa Bebas Keselamatan

KLIA2 yang meneliti isu-isu berkenaan. Laporan Akhir Jawatankuasa tersebut telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 13 November 2015 dan langkah-langkah pembaikan sedang giat dijalankan oleh MAHB.

PAC juga telah mengesyorkan supaya MAHB tidak mengenakan atau menaikkan caj di KLIA2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj-caj yang dikenakan di lapangan terbang dikawal sepenuhnya oleh Kementerian Pengangkutan. MAHB perlu mendapatkan kelulusan daripada Kementerian sebelum boleh mengenakan atau menaikkan sebarang caj di lapangan terbang.

PAC juga menggesa Kerajaan supaya memastikan tahap komunikasi dan kerjasama antara MAHB dengan syarikat-syarikat penerbangan tambang murah dieratkan. Kerajaan dari semasa ke semasa turut mengarahkan supaya MAHB mengadakan komunikasi bersama-sama semua syarikat penerbangan untuk apa-apa perancangan yang melibatkan syarikat penerbangan.

Berhubung syor supaya Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Awam Negara, berkuatkuasa pada 1 Mac 2016, Suruhanjaya Penerbangan Awam telah mula beroperasi secara rasmi. Ia dianggotai individu yang bebas dan tidak mempunyai sebarang kepentingan di dalam mana-mana syarikat yang berkaitan dengan industri penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Berhubung Penyambungan laluan ERL dari KLIA ke KLIA2 (DR 6 Tahun 2015), Mesyuarat Jemaah Menteri semasa menimbang cadangan pelanjutan tempoh konsesi ERL telah bersetuju untuk mengekalkan pelaksanaan kadar tambang ini setelah mengambilkira bahawa kadar tambang ini diperlukan bagi menampung sebahagian kos operasi dan penyelenggaraan bagi perkhidmatan antara Terminal Utama KLIA ke KLIA2 seterusnya memastikan perkhidmatan ini dapat disediakan dengan sempurna dan selamat.

Selain itu, kadar RM2 ini juga adalah tidak berkaitan dengan *Passenger Service Charge* (PSC) memandangkan PSC telah dikenakan sejak dari asal pelaksanaan ERL (bagi laluan KL Sentral – Terminal Utama KLIA) sebagai *funding gap* bagi menampung kos operasi keretapi yang tinggi. Peruntukan Dana Kerajaan sebanyak RM100 juta pula hanya digunakan bagi membiayai kos pembinaan projek sambungan rel dari Terminal Utama KLIA ke KLIA2.

Di samping itu, meskipun sambungan ERL antara KLIA ke KLIA2 berada di dalam kawasan operasi MAHB, tetapi perlu dilihat bahawa ia merupakan satu perkhidmatan bebas yang disediakan oleh ERLSB sebagai kesinambungan kepada perkhidmatan ERL sedia ada antara KL Sentral ke KLIA. Di samping itu, Konsesi perkhidmatan ERL adalah antara Kerajaan dengan ERLSB tanpa melibatkan MAHB. Ini berbeza dengan perkhidmatan *shuttle* yang disediakan oleh MAHB

antara Terminal Utama KLIA dengan Bangunan Satelit yang merupakan satu perkhidmatan integral.

Berhubung Pengurusan aktiviti Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) (DR 5 Tahun 2015), Kementerian Pengangkutan telah mengarahkan pihak JPJ untuk mengambil tindakan segera bagi menangani perkara-perkara yang dibangkitkan. Antaranya melibatkan penguatkuasaan peruntukan seksyen 82(1) di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010 yang tidak dinyatakan dalam senarai kad kuasa pegawai pengangkutan jalan sebelum ini. Pihak JPJ telah pun mengambil tindakan terhadap isu ini dengan mengemaskini kesemua kad kuasa pegawai pengangkutan jalan mengambilkira kuasa di bawah seksyen 82(1) tersebut.

Selain itu, berhubung isu penguatkuasaan terhadap kenderaan asing yang diberikan pengecualian *International Circulation Permit* (ICP) dalam jarak 2km dari sempadan, suatu arahan telah dikeluarkan kepada JPJ Negeri yang berhampiran dengan sempadan Thailand. JPJ negeri Kelantan dan Kedah khususnya telah diarahkan untuk menjalankan Operasi Sekatan Jalan Raya (SJR) di lokasi selepas 2km dari sempadan pintu masuk negara bagi negeri-negeri bersempadan dengan Thailand. Selain itu, Kementerian ini juga sedang mempertimbangkan cadangan untuk memansuhkan kelonggaran pengecualian insurans dan ICP dalam jarak 2 km selaras dengan pelaksanaan *Vehicle Entry Permit* (VEP) di sempadan Malaysia – Thailand.